

## **JAWATAN: PERSONEL MYSTEP (BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK DAN BITARA)**

### **SENARAI TUGAS:**

1. Membantu menguruskan urusan surat-menyurat melibatkan penilai, rakan strategik, juruaudit serta tugas pentadbiran berkaitan penganjuran Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2025.
2. Membantu menyelaras dan memastikan kelancaran pelaksanaan proses penilaian bagi AIGA 2025.
3. Membantu merancang, menyelaras, dan melaksanakan penganjuran acara-acara pra-Majlis termasuk Majlis Penganugerahan AIGA 2025, Majlis Amanat Perdana Integriti, serta Sambutan Bulan Integriti Nasional.
4. Membantu mengurus penyelarasan jemputan dan kehadiran tetamu bagi Majlis Penganugerahan AIGA 2025.
5. Membantu mengurus proses penyediaan, perolehan, dan pengurusan sijil-sijil serta trofi-trofi berkaitan AIGA 2025.
6. Membantu merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi sebelum, semasa dan selepas penganjuran AIGA 2025.

### **KEPERLUAN PENDIDIKAN DAN KELAYAKAN AKADEMIK:**

Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Komunikasi/Pengurusan Media/Pengurusan Acara atau yang berkaitan dan diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

### **PERKARA AM:**

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
2. Permohonan yang tidak mengikut peraturan, tidak lengkap dan diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.
3. Permohonan adalah terbatal sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar.
4. Pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas dari IIM dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan, permohonan dianggap tidak berjaya.

### **PANDUAN PERMOHONAN:**

1. Sila sertakan resume atau "curriculum vitae" dan salinan sijil-sijil yang berkaitan.
2. Sila hantarkan permohonan ke alamat emel ([people@iim.gov.my](mailto:people@iim.gov.my)), ATAU dengan memohon melalui portal MYFutureJobs (<https://www.myfuturejobs.gov.my>)

### **TARIKH AKHIR PERMOHONAN:**

4 Mei 2025 (Ahad)